
**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENAMBAHBAIKAN
PROSES PILIHAN RAYA
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 1 NOVEMBER 2011

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian, Pengurusan Dewan]
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Zulfazly bin Mohamad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

SAKSI

Parti Bersatu Sabah

YBhg. Datuk Radin Malleh [Naib Presiden]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENAMBAHBAIKAN
PROSES PILIHAN RAYA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****SELASA, 1 NOVEMBER 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.43 petang**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Okey, baiklah. Selamat tengah hari dan salam sejahtera pada semua Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses Pilihan Raya Dewan Rakyat, Parlimen Yang Kedua Belas. Seterusnya juga Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Terima kasih sekali lagi, dan izinkan saya untuk mengalukan kehadiran semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sedia maklum tadi banyak yang aktif untuk terlibat dalam penjelasan-penjelasan dan mohon maafah terpaksa kita mulakan di sini kerana jangka masa pendek yang telah diberi pada kita.

Ahli-ahli Jawatankuasa sekalian, pada hari Rabu, 12 Oktober 2011 Jawatankuasa ini telah pun bermesyuarat untuk pertama kali bagi membincangkan berkenaan perancangan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya. Di dalam mesyuarat tersebut kita telah memutuskan bahawa sebanyak enam sesi Pendengaran Awam akan diadakan sebagai sebahagian metodologi ataupun pendekatan kita untuk menunaikan matlamat-matlamat yang telah pun ditetapkan bagi jawatankuasa ini. Untuk peringatan, Pendengaran Awam ini adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh / Hari	Tempat
1.	11 & 12 November 2011 (Jumaat & Sabtu)	Bilik Jawatankuasa 2, Bangunan Parlimen Malaysia.
2.	25 & 26 November 2011 (Jumaat & Sabtu)	Bilik Kedah, Kompleks Pentadbiran Persekutuan Sabah, Kota Kinabalu.
3.	8 & 9 Disember 2011 (Khamis & Jumaat)	Bilik Gerakan Negeri, Wisma Bapa Malaysia, Petrajaya, Kuching.
4.	15 & 16 Disember 2011 (Khamis & Jumaat)	Dewan Sri Pinang, Lebu Light, Pulau Pinang.
5.	7 & 8 Januari 2012 (Sabtu & Ahad)	Bilik Gerakan Negeri, Kota Darul Naim, Kota Baharu.
6.	12 & 13 Januari 2012 (Khamis & Jumaat)	Bilik Gerakan Tun Abdul Razak, Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru.

Poskad serta pemberitahuan Jawatankuasa Pilihan Khas ini telah juga diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan kepada persatuan-persatuan yang berdaftar, yang difikirkan ataupun yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas akan ditemu ramah dalam satu sesi rakaman wawancara bersama pihak TV3 untuk program *Bual Bicara* akan diadakan pada hari esok, Rabu 2 November 2011 pukul 5 petang di mana ia akan disiarkan pada hari yang sama pada pukul 11 malam. Selain itu pihak RTM juga akan menyiarkan wawancara secara langsung melalui rancangan *Selamat Pagi Malaysia* yang dijadualkan pada hari Rabu, 9 November 2011 Pukul 9.30 pagi. Pengumuman di TV dalam bentuk *crawler* akan disiarkan di RTM mulai minggu ini mengenai semua pendengaran awam ini.

Tumpuan wawancara ini adalah sekadar untuk memaklumkan kepada pihak awam peranan fungsi serta pendekatan PSC dan juga menjemput pihak awam untuk memberi maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan sistem pilihan raya Malaysia melalui pendengaran-pendengaran awam yang ditetapkan. Pemberitahuan mengenai dengan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini serta tarikh-tarikh sesi Pendengaran Awam juga telah diiklankan di media-media massa utama sama ada media cetak ataupun media elektronik.

Pemberitahuan ini juga telah dimuatnaikkan di halaman web Parlimen untuk memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat berkenaan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa ini. Pihak Urus Setia telah menerima cadangan daripada berbagai-bagai individu melalui halaman web setakat ini dan saya telah minta supaya itu di *compile* dan diedarkannya kepada pihak Ahli-ahli Jawatankuasa.

Pada hari ini, mesyuarat akan mendapatkan input atau cadangan yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Saya telah mencadangkan ini kepada kita dan telah kita terima bahawa sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa, saya rasa setiap Ahli mempunyai pandangan-pandangan yang tertentu mengenai dengan perihal penambahbaikan ini. Eloklah kita beri peluang semua untuk memberikan secara formal iaitu dalam bentuk ucapan ataupun penerangan. Saya berikan 10 minit sampai 15 minit setiap Ahli. Kita boleh berbicara atas sebagai Ahli Parlimen kawasan kita, dan ada barangkali yang mahu berbicara juga atas pandangan parti masing-masing *but* dengan izin, *you will have to declare that you speaking on behalf as well*.

Ini tidak akan menutup peluang bagi parti-parti yang kita wakili pada masa Pendengaran Awam di tempat-tempat yang ditetapkan nanti. Saya telah minta kebenaran pada mesyuarat yang lalu kerana saya Pengerusi dan ada Yang Berhormat mengatakan tidak ada wakil Sabah. Saya wakil Sabah jugalah tetapi untuk tujuan itu saya telah membawa wakil daripada parti saya dan juga *I think*, surat ramai daripada Sabah untuk peringkat pertama ini. Nanti bila sampai Pendengaran Awam di Sabah nanti, setiap parti politik yang ingin hadir pun masih boleh membawa pandangan-pandangan.

■1250

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Sebelum kita mulakan bagi kepada wakil-wakil. Saya minta penjelasan sebab dalam mesyuarat yang lepas, kita putuskan bahawa memang dalam mesyuarat ini diberikan peluang kepada wakil-wakil parti untuk memberikan pandangan. Akan tetapi kita juga memutuskan bahawa kita hendak memanggil SPR.

Tuan Pengerusi: Esok.

Tuan Loke Siew Fook: Wakil SPR? SPR esok, ya. So, dia akan datang sebagai saksi atau kita boleh...

Tuan Pengerusi: Sebagai saksi.

Tuan Loke Siew Fook: Bertanya soalan dan sebagainya, ya?

Tuan Pengerusi: Esok saya ingin tutup padawaktu itu sebagai saksi. Kita berikan peluang kepada mereka menjelaskan pendekatan dengan apa sahaja perkara-perkara yang pihak awam telah beri, bawa di peringkat mereka dan kita boleh soal-jawab dengan apa-apa.

Kedua juga, Pendaftaran Negara. So, esok adalah – hari ini adalah hari kita. Esok, kita panggil mereka dan kita boleh tujukan apa sahaja soalan yang boleh. Ya, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, ini mesyuarat kita yang kedua di peringkat Jawatankuasa. Biasanya sebelum kita mulakan prosiding untuk mesyuarat yang kedua, boleh atau tidak kita mendapatkan Minit Mesyuarat yang pertama?

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]: Boleh.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Roosme binti Hamzah: Edarkan laporan prosiding.

Tuan Pengerusi: Satu, *is* ada sekali dalam *Hansard*. Okey. Kita nanti – tidak banyak juga di dalam itu. Sekadar untuk usul-usul yang telah kita putuskan seperti mana pelaksanaannya pada hari ini juga dan *complete Hansard* juga telah pun disediakan. Okey, sebelum itu ada apa-apa lagi yang ingin dibangkitkan?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, Selepas mesyuarat yang ketiga esok, kita akan mengadakan Pendengaran Awam.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Di antara pendengaran-pendengaran awam dan masa-masa yang lain, adakah kita memerlukan mesyuarat atau hanya selepas keenam-enam Pendengaran Awam itu baru kita *convene*?

Tuan Pengerusi: Ya. Pandangan saya, apabila selesai hari ini, kita mendapat gambaran pandangan-pandangan yang banyak dan luas di kalangan kita. Esok kita panggil dua orang saksi yang mana mereka akan beri pandangan sedikit apa yang telah dibawa kepada mereka dan apakah tindakan susulan sedang dibuat dan soal-jawab. Selepas mereka keluar, kita bincangkan bersama mengenai apa lagi yang kita perlu bincangkan sebelum ke Pendengaran Awam.

Pendapat saya ialah apabila selesai esok penerangan mereka, barangkali daripada senarai penambahbaikan itu, kita boleh buat *list* senarai. Mana yang kita setuju bersama dan barangkali kita KO terus itu. Mana yang kita tidak boleh setuju bersama, kita perlu bawa ke Pendengaran Awam untuk pandangan yang lebih luas. Barangkali kalau kita perlu bermesyuarat satu kali lagi sebelum Pendengaran Awam di Kuala Lumpur, saya rasa boleh untuk mengadakannya juga.

Boleh kita mulakan dahulu pendengaran sambil kita menantikan Minit Mesyuarat yang akan datang itu semua, kita boleh kembali sebab kebanyakan itu *introduction* dan jadual dan seterusnya. Yang Berhormat Gombak, boleh?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Akan tetapi Tuan Pengerusi, yang hadir mewakili mereka mungkin mereka bantangkan kemudian bermesyuarat sesama kita sahajalah.

Tuan Pengerusi: Boleh...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau kita bentang dahulu, ada orang luar yang mendengarnya.

Tuan Pengerusi: Ya. Mendengar. Okey. Saya jemput – saya mahu pakai alfabet tetapi tidak mengapa, boleh mulakan dengan Sabah dahululah boleh, persetujuan? Dan akan boleh keluar nanti selepas itu. Okey, dengan itu, saya hendak menjemput wakil Parti Bersatu Sabah yang saya wakili... [Ketawa] Dan dari Sabah juga, Yang Berhormat Datuk Radin Malleh. Beliau dua penggal Parlimen dahulu tahun 1990-1995 dan *now* ADUN dua penggal di Sabah, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri, Bekas Setiausaha Agung PBS dan sekarang Naib Presiden Kanan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Naib Presiden Kanan?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *You become boss now?*

Tuan Pengerusi: *Saya Vice Deputy.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Oh!... [Ketawa]

[Saksi dari Parti Bersatu Sabah (YB Datuk Raden Malleh) mengambil tempat di dalam Bilik Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Datuk Radin Malleh. Saya beri 10 minit.

12.58 tgh

Datuk Radin Malleh [Naib Presiden, Parti Bersatu Sabah]: Okey. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ucapkan selamat datang dan salam berjumpa kepada semua. Tan Sri, Dato' Sri, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai yang berkenaan. Terima kasih atas jemputan ini.

Pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan peluang untuk memberikan apa-apa juga input yang mungkin boleh difikirkan oleh JPKPR. Saya tidak akan memberikan taklimat yang panjang. Cuma ringkas sahaja dan ini adalah bukan hasil ataupun pendapat daripada penyelidikan tetapi apa yang kita nampak dalam pilihan raya tahun-tahun yang sudah. Apa yang berlaku, apa yang kita nampak. Kita punya *observation* lah. *So, I would not go to very detail* ataupun *the law* kah, atau apakah semua. Nanti kita punya Timbalan Pengerusi marah pula, *practicing lawyer* itu... [Ketawa].

Okey. Pertama sekali kita ucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaanlah kerana prihatin kerana dengan keprihatinannya mendengar rintihan, keluhan daripada rakyat, NGO's dan juga parti-parti politik dan tentang penambahbaikan proses ataupun perjalanan pilihan raya di negara kita ini di mana kebelakangan ini, atau pihak SPR kasihan jugalah kerana selalu banyak tohmahan, banyak dakwaan tentang ketidakadilan dan sebagainya.

Inilah saya fikir pihak kerajaan begitu bertanggungjawab untuk menubuhkan kita punya Jawatankuasa Pilihan Khas ini untuk memperbaiki proses pilihan raya.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli yang lain, saya beri tiga peringkat sahajalah berkenaan dengan pendaftaran pemilih. Saya fikir pendaftaran pemilih sekarang ini yang diadakan tiga bulan sekali dalam *quarterly* yang mana selepas itu kita mengadakan pendengaran ataupun bantahan, *objection* tetapi kita rasa, pertama, pihak SPR saya rasa terlalu beria-ia sangat ataupun terlalu ghairah sangat untuk mendaftarkan pemilih sehinggakan ada pemilih-pemilih yang tidak layak ataupun yang tidak boleh menjadi pengundi, menjadi pengundi ataupun terdaftar sebagai pemilih. Jadi, manakan ia tidak terlepas pandang. Barangkali kita terlampau beria-ia sangat untuk mendaftarkan pemilih ataupun mahu jadi banyak pengundi sedangkan ada pengundi-pengundi yang tidak layak dan ini akan menjejaskan kita punya nama baik tentang..., mungkin ada yang disengajakan, mungkin ada yang tidak disengajakan. Jadi, inilah saya fikir salah satu kelemahan,

Keduanya, bantahan ataupun pameran daftar pemilih itu terlampau singkat. Seminggu sahaja. Seperti yang kita tahu dalam beberapa hari yang lalu, kita punya SPR telah mengumumkan bahawa mereka akan mempamerkan 27 Oktober sehingga 2 November iaitu esok yang mana kalau ditolak dengan hari minggu, lagi apa semua ini, memang tidak sampai tujuh hari. Jadi, ada di antara kita tidak dapat memeriksa daftar pemilih ataupun pemilih-pemilih yang baru.

Ketiganya, kita punya daftar pemilih yang sudah diwartakan mengikut SPR, mengikut undang-undang, mereka cakap tidak boleh lagi diulang kaji. Akan tetapi, saya ambil contoh, minta maaf dari Semenanjung atau Sarawak apa semua ini, tetapi kita nampak macam di Sabah yang mana ramai pendatang asing yang tidak tahu bagaimana nama mereka masuk dalam daftar-daftar pemilih tetapi oleh kerana daftar pemilih itu sudah diwartakan, kita tidak boleh lagi buat *objection*. Akan tetapi baru-baru ini pada 27 Oktober ini, pihak SPR pula mengatakan ada 42,051 orang yang diragui dan boleh di *verify*. So, *why not* kita rasakan macam di Sabah, kita mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa tidak kurang daripada 70,000 barangkali masih ada lagi kita ragu bahawa orang-orang ini tidak layak menjadi pemilih.

■1300

Itu tentang pendaftaran dan juga bantahan-bantahan tempoh dia. Mungkin ada juga merit ia untuk mengulang kaji sama ada kita balik yang dulu, setahun sekali mahu daftar ataupun kita kekalkan yang tiga bulan, tiga bulan ini. Akan tetapi itulah, terlampau cepat. *Because of* terlampau cepat, jadi itulah ramai mereka yang tidak layak menjadi pengundi atau terdaftar jadi pengundi.

Oleh kerana sepuluh minit sahaja. Itu berkenaan dengan pendaftaran. Masa pilihan raya. Masa pilihan raya Tuan Pengerusi, kita nampak bahawa SPR, *with due respect*, kita bukan mesyuarat pembangkang, minta maaf. Akan tetapi *this is what happen daily*. Bila kita buat bantahan, bila kita buat rayuan kepada pihak SPR tentang masa pilihan raya ataupun *polling day*, mereka mengatakan kalau kita tidak bagi peluang kepada orang itu, kita akan menafikan dia punya hak apa semua ini. Akan tetapi kalau setahu saya, mungkin kita punya Timbalan Pengerusi boleh *verify* ataupun sahkan sama ada kita belum ada lagi undang-undang yang memaksa orang mahu mengundi ataupun undang-undang untuk menjadi pengundi ataupun pemilih, bukan. Saya rasa begitu. Oleh kerana itulah kita rasa bahawa, ada keadaan di mana seseorang itu bila pergi mengundi tahu-tahu nama dia sudah kena undi, sudah kena pangkah. Ertinya dia sudah pun mengundi sedangkan dia belum lagi. Itu satu keadaan yang berlaku.

Ada lagi yang pendedatang asing yang datang mengundi menggunakan kad pengenalan palsu ataupun kad pengenalan yang..., kad itu tidak palsu akan tetapi butir-butirnya palsu. Ini berlaku di Sabah Tuan Pengerusi. Ada juga oleh kerana kita punya SPR terlampau..., itulah saya cakap tadi terlampau beria-ia sangat untuk memberi hak kepada orang itu yang datang mengundi. Dia tidak tahu dari mana dia dapat *voting slip* dari luar, terus dia pergi mengundi tanpa mahu *verify* lagi nama dan sebagainya.

Ini adalah salah satu keadaan yang berlaku Tuan Pengerusi. Ada juga keadaan di mana SPR memberi laluan atau peluang seseorang itu mengundi dengan menggunakan dokumen-dokumen yang lain selain daripada kad pengenalan seperti JPN 1/9, JPN 1/11, JPN 1/22. Jadi yang sebenarnya Tuan Pengerusi, dokumen ini misal kata pasport, lesen pemandu. Sebenarnya kita diberi kad pengenalan. Kita punya Yang Berhormat sana pun *lawyer* juga. Kita diberi kad pengenalan, sepatutnya kita gunakan kad pengenalan itu sahaja. Jangan pasport, jangan lesen pemandu ataupun JPN 1/9, JPN 1/22, JPN1/11. Sebenarnya Tuan Pengerusi, JPN 1/9 ini adalah untuk mahu *apply...*, *true or not?* Kita *apply identification card* (IC). Manakala JPN 1/11 bila kita punya *identification card* (IC) rosak, kita *apply*. JPN 1/22 bila kita mahu *apply* bagi yang bermutu tinggi. Saya tidak tahu apa lagi..., JPN apabila MyKad ini yang akan datang mahu diubah. Itu satu.

Jadi, saya fikir Tuan Pengerusi, untuk mengelakkan ini semua berlaku, saya fikir kita berpendapat bahawa salah satu dia punya cara itulah satu, menggunakan *identification card* (IC) sahaja. Sebab *identification card* (IC) ini adalah satu pengenalan kita. Sedangkan pasport ini kita bawa pergi luar negeri ataupun lesen memandu untuk *driving* sahaja...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Soalan, soalan.

Datuk Radin Malleh: Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jika seorang itu hilang dia punya IC, macam mana cadangan kita? Dia hilang...

Datuk Radin Malleh: Dia kena lapor polislah *and then he will be given JPN 1/11*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Radin Malleh: Tidak boleh. Melainkan dia ada pengesahan daripada polislah dan JPN, yang dia betul-betul hilang. Oleh sebab Tuan Pengerusi, JPN 1/11 adalah kalau kita punya IC hilang ataupun rosak, itu dia bagi. Akan tetapi kalau mengikut tafsiran dalam undang-undang itu, resit-resit ini bukanlah menjadi kad pengenalan.

Tuan Pengerusi: Disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Radin pada masa-masa yang lampau itu, tiba-tiba ramai orang keluar dengan JPN 1/11, ya begitu. So, sudah menguranglah akan tetapi dulu *this is the thing that* boleh jadi. Okey, sambung.

Datuk Radin Malleh: Terima kasih Tuan Pengerusi. Selain daripada itu *I think, one of the way's how to avoid* penyelewengan sama ada *double voting* ataupun sebagainya. Itulah saya tengok dalam *newspaper*, ada yang mengatakan menggunakan biometrik, ada yang mengatakan *ink* dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita fikir biometrik ini kalau di Sabah dan Sarawak, yang di luar-luar bandar tiada *electricity* dan lain-lain, saya fikir susah mahu pakai. Jadi, kemungkinanlah pakai *ink* ini adalah salah satu cara untuk mengelakkan *whatever* penyelewengan yang berlaku dalam *polling day*.

Okay, lastly Tuan Pengerusi, tentang ulang kajian bahagian-bahagian pilihan raya ataupun *reevaluation of the constituency* ini. Kita ada panduan, mungkin semua pun tahu bahawa dalam Jadual Ketigabelas dalam Perlembagaan Persekutuan kita, ada prinsip-prinsip macam mana mahu diagih-agihkan ataupun dibahagi-bahagikan kita punya kawasan pilihan raya ini ataupun *constituency*. Jadi, saya fikir kalau kita betul-betul berpandu kepada prinsip-prinsip ini, saya fikir pengagihan ataupun pembahagian itu mungkin tidak akan jauh lari daripada tujuan. Ini supaya tidak ada timbul unsur-unsur '*gerrymandering*.'

Gerrymandering ini Tuan Pengerusi, boleh mengakibatkan bahawa ini adalah untuk kepentingan mungkin satu-satu parti dan sebagainya. Akan tetapi saya fikir, apa lagi dalam 1Malaysia sekarang ini dan kita punya Perdana Menteri betul-betul mahu adakan satu kerajaan yang adil dan saksama. Saya fikirlah, *gerrymandering should not arise anymore*.

Jadi maksud saya ini, supaya kita punya kawasan-kawasan pilihan raya ini dibahagi dengan adil dan saksama. Bukan sahaja tujuan untuk memberi keselesaan kepada penduduk-penduduk atau rakyat ataupun pengundi-pengundi di kawasan setempat. Akan tetapi adalah juga bertujuan untuk membangun kawasan-kawasan tertentu. Misal katalah di Pensiangan, di Nabawan ataupun di sebelah saya, di Tenom di mana kawasan pilihan raya itu terlampau besar.

Kalau di pendalaman saya lebih besar daripada Perlis. Jadi, misal kata di Pensiangan, ini kita punya bekas MP Pensiangan dia lebih tahu, kalau saya tidak silap di Pensiangan sahaja lebih 5,000 kilometer persegi. Jadi, kalau kira di Perlis berapa itu? Ada mengatakan oleh kerana di punya penduduk di sekitar tidak tinggal satu dalam kawasan maka itulah dia beri besar.

Akan tetapi dalam segi *allocation of* peruntukan Tuan Pengerusi, mereka akan rugi. Oleh sebab saya beri contoh, kita kena beri RM1juta peruntukan untuk satu tahun, untuk satu-satu kawasan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri sahaja. Sedangkan yang lain besar..., *sorry* kecil, akan tetapi dia punya amaun dia dapat sama juga RM1 juta. So, yang besar itu pun sedikit-sedikit sahajalah. Orang Sabah sebut '*rukut-rukut*' sahaja. So, dia rugi. *Why not* beri sama rata dia punya besar. Walaupun mungkin dia punya penduduk ataupun dia punya pengundi tidak begitu banyak. Jadi saya fikirlah ini – saya rasa pihak SPR dari segi ini, ulang kaji bahagian-bahagian pilihan raya ini mestilah mempunyai hubungan rapat dengan pihak berkuasa tempatan dan juga pejabat daerah *because these are the people and this are the* jabatan yang betul-betul mengetahui dia punya kawasan. Saya fikir terlampau campur tangan politik pun susah juga. Oleh sebab ada juga mungkin kepentingan sendiri ataupun parti tertentu. Saya fikir pejabat daerah dan juga jabatan-jabatan yang berdekatan di sana juga mungkin majlis daerah dan lain-lain lagi, *should be consulted because they are the one who know the area.*

Sebagai contoh Tuan Pengerusi – akhir sekali, kita punya Datuk Bernard pun dari Keningau. Sebagai contoh siapa yang pernah pergi Keningau mungkin tahu ini. Satu daerah mengundi yang di nama Luagan di sini *because* saya tahu sangat ini, sebab dulu kawasan Liawan ini *was part of Malalap constituency, the whole of* Liawan DUN *now.* So, daerah mengundi *following district,* nama dia Logan ini letak dia di kawasan Bingkor.

■1310

Akan tetapi, Bandar Keningau di mana letak dia di Liawan, dia pergi Bingkor sedangkan Logan ini dia pergi Liawan. *You get what I'm trying to say?* Jadi inilah saya fikir pihak SPR mesti mahu *make sure* ini jangan begitu. Satu pergi sini, yang satu pergi sana sedangkan letak dia *different situation, located indifferent place in different constituency* Tuan Pengerusi. Jadi ini saya fikir salah satu SPR mesti mahu tentukan supaya ini tidak *inclosing into another constituency* ataupun kita terletak kepada *constituency* yang itu.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Yang Berhormat Datuk, semua itu dia merupakan penyelewengan daripada peraturan-peraturan bukan. Biasanya peti undi itu mesti dalam kawasan?

Datuk Raden Malleh: Terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah. Memang betul tetapi ini berlaku. So, ini berlaku di Bandar Keningau punya *pulling district is wich is situated within* Liawan DUN, *where's Logan is situated in Bingkor DUN*. Akan tetapi dia masuk Liawan, yang ini masuk Bingkor. So, *there is very specific example*lah. So, saya fikir ini berlaku juga di lain-lain kawasan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya, kita akan tanya SPR esoklah, kenapa macam ini.

Datuk Raden Malleh: Okey, saya fikir itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya harap input yang sikit ini akan dapat memberi *insect* kepada kita tentang apa yang sedikit sebanyak yang berlaku di Sabah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Raden Malleh untuk memberi gambaran secara makrolah dan nanti yang lebih *detail* itu bukti-bukti yang ingin diserahkan bolehlah dilakukan dalam Pendengaran Awam di negeri Sabah nanti. So, terima kasih banyak ada soalan daripada Ahli sebelum saya lepaskan Yang Berhormat Datuk Raden Malleh ini. Ya, sila. Okey. Tidak ada. Terima kasih, nanti jumpa di sana.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, Datuk Raden Malleh ada membuat satu dakwaan. Kalau SPR mengatakan ada 42,000 nama yang dipertikai, di Sabah katanya ada 70,000 orang masih – dia ada bukti kah?

Datuk Raden Malleh: Itu yang kita syaki. Jadi itulah kita minta pihak SPR senarai itu sudah kita bagi dari dulu. Sudah kita lapor dengan polis. *I was the one who reported this matter*. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tidak kurang tujuh laporan polis saya buat pergi SPR dan juga pergi SPRM, saya juga ada buat. So, memang betul SPR ada juga mengeluarkan beberapa ribu nama-nama yang kalau dikeluarkan daripada beberapa tahun yang lalu. Itu kita tidak nafikan memang ada.

Akan tetapi, kita ini percayalah apa yang kita rasa percaya dengan rasa munasabahlah bahawa mungkin ada lagi lebih kurang 70,000 orang yang masih ada dalam daftar pemilih di Sabah. Jadi tetapi itulah kita rasa macam sedih sedikit sebab SPR tidak bagi peluang untuk buat bertahan supaya dapat *diverify*, betulkah dia orang ini pengundi betul dan mempunyai kad pengenalan yang sah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Saya rasa untuk menambahkan itu kes-kes ini telah pun di *compile* oleh Parti Bersatu Sabah, bolehlah mengemukakan balik senarai itu walaupun senarai itu kami tahu barangkali 30% dia orang ada ambil *treatment*. Ini senang di Sabah sebab dia bukan duduk di luar bandar. Dia katakan dalam IC lahir..., macam tempat saya dia katakan lahir di Kampung Ongkilan. Dia seorang satu suku kaum katakan yang melaksanakan itu Pakistan, dengan izin. Akan tetapi, mana orang bilang pernah lahir di sini, tiada pun yang di sini, *so, very clear. So this is another thing*.

Akan tetapi, tidak boleh buang kerana senarai 'A' tidak boleh bantah. Okey, senarai 'B' yang orang baru sahaja. *You miss the date the bantahan dulu you tidak buat, tidak boleh buatlah so, have to go through the process, taking legal action and so forth.* So, ini keluhan-keluhan yang walaupun ada penambahbaikan tetapi belum selesai sepenuhnya. Saya rasa itu sahaja daripada sini. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Raden Malleh dan jumpa lagi di Sabah nanti.

Datuk Raden Malleh: So, saya boleh beredarlah. Terima kasih banyak. *Thank you very much.*

[Saksi dari Parti Bersatu Sabah (Datuk Radin Malleh) meninggalkan Bilik Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Okey, *next* dari mana, Gombak?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey.

Tuan Pengerusi: So, *one* dari kerajaan, *one* dari sana lah... *[Menunjukkan tempat duduk wakil kerajaan dan wakil pembangkang]*

1.19 ptg.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap bagi pihak diri saya sendiri sebagai Ahli Parlimen Gombak dan juga mewakili Parti Keadilan Rakyat. Saya percaya perkara-perkara yang akan saya bawa pada petang ini sama ada atas kapasiti sebagai Ahli Parlimen dan juga mewakili Parti Keadilan Rakyat mempunyai hubung kait yang cukup rapat. Rakan-rakan saya daripada Pakatan Rakyat juga akan membicarakan beberapa perkara yang lebih terperinci.

Namun, saya ingin memulakan pada petang ini dengan menegaskan bagi pihak Parti Keadilan Rakyat bahawa Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Dewan Rakyat melalui Peraturan 81(1) peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang bertujuan untuk mengkaji perkara-perkara yang berkaitan proses pilihan raya Malaysia ini diharapkan dapat mengambil beberapa ketetapan secara serius. Ini kerana bagi kami, Jawatankuasa ini adalah Jawatankuasa yang dilantik oleh Parlimen, dan sudah tentulah ia bebas daripada sebarang pengaruh luar supaya Jawatankuasa ini lebih wibawa dan *credible*.

Saya telah menegaskan dalam mesyuarat pertama, mencadangkan supaya Jawatankuasa ini dapat membuat satu kenyataan menyarankan kepada kerajaan supaya tidak ada sebarang pilihan raya yang dibuat sehinggalah Jawatankuasa ini mengemukakan saranan-saranan dan syor-syor berhubung penambahbaikan proses pilihan raya di Malaysia. Walaupun pengerusi pada ketika itu memaklumkan bahawa itu adalah bidang kuasa Perdana Menteri, namun saya ingin menegaskan sekali lagi sementara kita menghormati ianya merupakan bidang kuasa Perdana Menteri untuk membubarkan Dewan Rakyat.

Akan tetapi, sebagai sebuah Jawatankuasa yang berwibawa yang dilantik oleh Parlimen kita mengharapkan saranan-saranan ini dapat meyakinkan lagi rakyat di luar sana bahawa kita benar-benar bebas dan sekadar mencadangkan dan terserahlah kepada kerajaan untuk mengambil keputusan yang sewajarnya. Keduanya juga Tuan Pengerusi, kita juga melihat kebimbangan semenjak akhir-akhir ini kerana beberapa pihak termasuk Kementerian Dalam Negeri, Menteri Dalam Negeri dan juga SPR sendiri telah mula menggunakan helah untuk menyerahkan segala-galanya kepada Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Sebagai contoh, Menteri Dalam Negeri minggu lepas telah membuat kenyataan bahawa apabila ada dakwaan lebih 40,000 nama yang dicurigai maka beliau menyarankan tidak mengapa, kita serah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menyiasat perkara ini. Saya kira kita perlu faham dan terikat dengan terma rujukan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa dalam mesyuarat yang pertama. Ini kerana ada perkara-perkara yang boleh diputuskan dan diselesaikan di peringkat kementerian, peringkat SPR, Jabatan Pendaftaran Negara tanpa membawa perkara ini kepada Jawatankuasa Pilihan Khas.

Kebimbangan kita ialah ada pihak yang cuba menggunakan Jawatankuasa ini untuk melengah-lengahkan *electoral reform* yang sedang dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia keseluruhannya. Banyak bukti yang telah dikemukakan oleh banyak pihak sebelum ini dan sudah tentulah antara perkara-perkara yang banyak diperbahaskan termasuk wakil daripada Sabah tadi ialah tentang daftar pemilih yang tidak bersih. Sebab itu, saya mewakili Parti Keadilan Rakyat ingin membawa tuntutan mewakili aspirasi rakyat Malaysia yang telah terkandung dalam memorandum BERSIH yang telah diserahkan oleh Dato' S. Ambiga selaku pengerusi BERSIH yang menggariskan lapan tuntutan yang cukup jelas. Di mana daripada lapan tuntutan ini, ada empat tuntutan yang tidak perlu sebarang pindaan peraturan pilihan raya.

■1320

Tidak memerlukan sebarang pindaan Perlembagaan yang sedia ada. Maka SPR sewajarnya mengambil tanggungjawab untuk melaksanakan serta-merta. Sebagai contoh, daftar pemilih untuk dibersihkan. Mengapa harus SPR menunggu syor daripada jawatankuasa ini baru hendak bertindak? Itu pun kalau mereka hendak bertindak sedangkan perkara-perkara proses pembersihan daftar pemilih ini harus dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab. Kita dengar sendiri tadi wakil daripada Sabah melaporkan, mendakwa lebih 70,000 yang dicurigai. Baru-baru ini ada dalam 40,000. Mengapa perkara ini masih berlaku? Pagi tadi sahaja saya terima dua aduan.

Maknanya dalam masa yang singkat kita boleh terima dua aduan, di mana pemilih lelaki tetapi nombor kad pengenalannya, nombor kad pengenalan wanita. Kita tahu kad pengenalan kita, kalau lelaki ia ganjil, wanita genap. Akan tetapi ada nama pemilih lelaki, dan itulah tanggungjawab.

Oleh sebab itu yang saya nyatakan tadi, mengapa SPR hendak tunggu *recommendation* atau syor daripada jawatankuasa ini baru hendak membersihkan? Sebab itu esok saya hendak – saya hendak menegaskan sekali lagi bagi pihak parti, jawatankuasa ini sewajarnya ada akses kepada daftar pemilih SPR dalam bentuk *softcopy*. Bukan dalam bentuk PDF, bukan dalam bentuk *hardcopy* sebab untuk Jawatankuasa meneliti dan membantu proses pembersihan ini, ia mesti menyerahkan *softcopy* dalam bentuk..., untuk kita teliti dan membantu pembersihan. Ini saya ingat dalam mesyuarat pertama kita ada bangkitkan tetapi sekali lagi tidak ada keputusan yang tegas. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya memulakan tadi Jawatankuasa ini kena benar-benar wibawa, perlu tegas dalam perkara ini kerana harapan di luar sana terlalu tinggi.

Begitu juga dengan alamat palsu. Ini juga aduan yang banyak diberikan. Kalau sebelum ini kita mengkategorikan pengundi hantu ini sebagai orang yang meninggal dihidupkan untuk mengundi tetapi dalam kajian parti, kita mendapati ada lapan kategori hantu yang telah diguna pakai oleh SPR. Sebagai contoh yang berulang kali saya bangkitkan, rumah ibu saya sendiri di *locality* Kampung Klang Gate Baru. Alamatnya Nombor 1E, ada 11 pemilih. Ada orang Cina, ada orang India dan ada ibu saya. Semangat 1Malaysia terkandung di Kampung Klang Gate. Sedangkan ibu saya tinggal berseorangan. Saya sudah adu berpuluh kali tetapi tidak ada *courage* oleh SPR untuk membersihkan.

Tuan Pengerusi: Esok kita minta. SPR...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya, sebab itu ini contoh-contoh yang saya hendak bawa. Saya pernah tanya SPR, dia kata mungkin berlaku kerana orang sewa rumah dan dia berpindah-pindah. Akan tetapi rumah ini dibina pada tahun 1968 sehinggalah hari ini tidak pernah berpindah milik, tidak pernah ada orang menyewa tetapi perkara ini berlaku.

Kategori hantu yang ketiga ialah...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, rumah ibu Yang Berhormat ada orang lain menggunakan alamat itu.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Yes, menggunakan alamat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi tidak bermakna kata...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak ada orang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak bermakna orang yang menggunakan alamat itu, dia juga menggunakan alamat tempat lain, dia mengundi dua kali. *Is there any evidence on that fact...,* tidak ada?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Saya tidak menjurus ke arah itu. Saya tidak ada bukti itu tetapi bukti yang saya ada...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Membersihkan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Orang yang tidak sewajarnya ada di rumah itu tanpa mendapat *consent* daripada ibu saya menggunakan alamat itu. Ini termasuk dalam perkara yang serius, yang saya dapat maklum balas bahawa SPR sekarang telah *outsource* proses pendaftaran ini kepada JASA. Satu unit yang diketuai oleh Dato' Fuad Hassan yang ada kepentingan kepartian di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk melakukan proses-proses ini. Inilah yang dilakukan oleh mereka untuk tukar alamat, pindahkan pengundi tanpa *consent* daripada pemilih yang berkenaan. Terbaru sekali, yang juga membimbangkan kami apabila *National Security Council* juga telah diarahkan terlibat secara langsung dalam perkara ini untuk mendaftarkan pemilih. Yang ini kita akan bangkitkan dengan SPR esok... [Disampuk]

Kemudian kategori hantu yang seterusnya ialah alamat palsu. Sebagai *gain locality* Kampung Klang Gate ini kita...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya dengar Yang Berhormat sebut "hantu", "hantu" ini. Cuba cerita pada saya macam mana undi hantu ini?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau tanya Dato' Wan Ahmad Wan Omar, dia kata hantu ini kalau kita tunduk celah kangkang...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak ada kaki.

Tuan Mohamed Azmin Ali: ...Tidak ada kaki. Itu jawapan. Ini jawapan pegawai SPR, bagi kepada saya. Ini jawapan yang tidak bertanggungjawab. Seolah-olah dia orang politik, jawabnya. Bagi saya definisi "pengundi hantu" itu orang yang tidak ada hak untuk mengundi tetapi diberikan hak untuk mengundi. Itu hantulah. Itu soal terminologi tetapi janganlah pegawai tertinggi SPR memberi jawapan yang terlalu mengecewakan rakyat sebab kita beri bukti.

Ketiga, yang saya hendak beri Tuan Pengerusi, alamat palsu di Kampung Klang Gate, *locality* dalam DUN Ulu Klang. Kita boleh pergi lepas mesyuarat ini, lepas kita jamuan tengah hari, semua rumah di situ rumah perkampungan Melayu, sebuah-sebuah. Ini perpindahan daripada empangan Kampung Klang Gate Lama kepada Kampung Klang Gate Baru. Akan tetapi dalam daftar pemilih yang ada sekarang, alamatnya 'berwatakan' pangsapuri. Tingkat 15, Blok B, Unit 22 sedangkan tidak ada satu pun bangunan di dalam *locality* dan kampung tersebut. Ada lebih 85 pengundi yang menggunakan alamat seperti ini di *locality* tersebut.

Jadi, sekali lagi kita telah serahkan bukti kepada SPR. Tidak ada tindakan sampai hari ini. Ini kebimbangan saya. SPR menggunakan dalih untuk melengah-lengahkan dan membebankan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Akhirnya kami dan kita semua terpaksa tanggung, *shoulder this blame by the public* kerana kegagalan kita untuk melakukan. Saya kira jawatankuasa ini berhak untuk memberikan, memaksa SPR untuk membuat beberapa komitmen. Ada benda yang dia boleh buat.

Akhirnya Tuan Pengerusi, beberapa tuntutan yang telah dikemukakan oleh BERSIH. Bagi kami, kami mendukung kerana itu adalah aspirasi rakyat. Walaupun saya tidak bersetuju sama sekali dengan jawapan Tuan Pengerusi dalam mesyuarat yang pertama, BERSIH tidak didaftarkan. Jangan ambil sikap yang terlalu remeh begini. Ya, dia tidak didaftarkan sebagai sebuah organisasi tetapi dia mewakili 60 organisasi yang berdaftar dalam negara kita. Kalau kita tengok perhimpunan yang dianjurkan oleh BERSIH itu jauh daripada apa yang dilakukan oleh HIMPUN di Shah Alam minggu lepas.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Akan tetapi itu agenda berbeza.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya, agenda berbeza tidak apa tetapi maksud saya, jangan ambil sikap itu.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Akan tetapi agenda berbeza. Jangan kita umpamakan dua perhimpunan itu.

Tuan Mohamed Azmin Ali: *No, no* bukan dua perhimpunan. Ini menunjukkan dukungan rakyat, saya hendak beritahu walaupun...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Akan tetapi Yang Berhormat 60 NGO itu boleh datang terus, tidak perlu BERSIH.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya, tetapi mengapa kita? Bagi saya, mengapa kita hendak guna sikap ini sedangkan Yang di-Pertuan Agong sendiri boleh menerima Pengerusi BERSIH, kita Jawatankuasa Parlimen...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang di-Pertuan Agong menerima semua rakyat Malaysia termasuk BERSIH.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya, termasuk...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Akan tetapi maksud saya kalau ada 60 NGO itu, kita jemput semua 60 NGO boleh datang.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tidak apa, tidak apa Tuan Pengerusi. Jangan...

Tuan Pengerusi: *Keyword* yang saya *stress* Yang Berhormat Gombak, pada mesyuarat pertama itu ialah persatuan berdaftar sebagai satu standard untuk datang sebagai saksi ataupun dia boleh datang secara peribadi.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya saya juga berhak mengatakan, saya *dispute* dari segi pendekatan itu, sebab walaupun dia tidak mendaftar tetapi dia mewakili 60 NGO yang berdaftar. Itu yang pertama.

Yang kedua, mustahil Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara hendak menerima kunjungan seorang pengerusi pertubuhan yang haram. Sudah tentulah Yang di-Pertuan Agong juga telah memberikan pertimbangan tentang perkara-perkara yang dapat memberikan manfaat akhirnya kepada rakyat Malaysia dalam menyuburkan demokrasi. Itu sahaja. Jadi bagi saya, kita jangan mengambil sikap yang picisan ini tetapi melihat apa tuntutan yang telah dibuat oleh BERSIH dan salah satunya ialah 'dakwat kekal'. Yang ini juga tidak perlu pindaan Perlembagaan, tidak perlu peraturan dipinda, telah pun diluluskan tahun 2008. SPR telah mohon kononnya hendak dapatkan fatwa, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa bahawa dibolehkan menggunakan dakwat kekal, dakwat dibeli sehingga RM4 juta tetapi bila ada gangguan politik akhirnya perkara itu ditarik balik. Maka kita dalam jawatankuasa ini perlu tegas dengan SPR. *Indelible ink* ini merupakan salah satu mekanisme yang terbaik untuk memastikan tidak ada *double voting* dalam proses pilihan raya yang akan datang.

Oleh sebab itu saya hendak mintalah Tuan Pengerusi, supaya sekali lagi jawatankuasa ini memberikan beberapa tumpuan untuk membolehkan perbincangan dan pencapaian kita ke arah yang telah ditetapkan itu dapat dilaksanakan. Saya berharap benar supaya SPR esok, kita pastikan yang datang itu bukan pegawai biasa tetapi sekurang-kurangnya pengerusi dan timbalan pengerusi mesti hadir bertanggungjawab kepada jawatankuasa. Saya minta supaya kita bersetuju untuk ada akses kepada daftar pemilih SPR dalam bentuk *softcopy* untuk kita melihat, apakah usaha-usaha yang telah dilakukan dan yang masih boleh ditambahbaikkan.

■1330

Saya juga ingin mencadangkan bagi pihak parti supaya SPR ini mesti *engaged* dengan *the whole proceeding of the* Jawatankuasa termasuk ketika Pendengaran Awam. Maknanya mereka kena hadir sama sekiranya ada perkara-perkara berbangkit SPR dan juga Jabatan Pendaftaran Negara Tuan Pengerusi, mesti berada di semua Pendengaran Awam untuk membantu jawatankuasa mendapatkan maklum balas supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Jadi untuk mengenai ini saya berhenti di situ Tuan Pengerusi, dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak, *indelible ink* ini saya dengar, saya baca surat khabarlah mengatakan, ada kononnya dia punya *solution* yang boleh *remove the ink* itu. Itu yang saya fikir macam mana kalau kita buat begitu? Ini sebab *we live near the border* ini dekat orang Siam ini dia macam-macam dia boleh buat. Saya dengar ceritalah di dalam surat khabar *they was reported from the peoples*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya. Oleh sebab itu tadi di peringkat awal sahabat saya daripada Yang Berhormat Kuala Krai ada sebut, dia ada *timeframe* Yang Berhormat. Dia kalau terus boleh itu dan dia tidak lagi *indelible ink*lah. Ini dakwat kekal ini dia maksimum *three days* yang telah diguna pakai.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *But there's a solution that they can remove..*

Tuan Mohamed Azmin Ali: *You can remove the finger but not the ink... [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Dari segi *ink* ini...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi *in fact, indelible ink* ini telah dibeli oleh SPR untuk pilihan raya yang...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: RM4 million

Tuan Wee Choo Keong: Ya, RM3 million to RM4 million yang dibuang sahaja kerana kerajaan masa itu tidak...

Tuan Pengerusi: Teknologi waktu itu belum *full prove* barangkali.

Tuan Wee Choo Keong: Akan tetapi kalau tidak *full prove* Tuan Pengerusi, kenapa hendak beli? So SPR masa itu mesti sudah kaji dah, sudah pasti dah kalau tidak kita kena ambil...

Tuan Pengerusi: Ya, esok kita minta daripada mereka termasuk *technical expertise* dalam bidang ini nantilah kalau dapat, dan seperti mana yang telah diputuskan kita telah minta mereka hadir esok, kita telah minta Pengerusi dan Setiausaha Kerja serta beberapa Ahli Lembaga untuk datang bersama. Okey terima kasih atas itu. Kita buat catatan, esok ada peluang untuk berbicara dengan pihak SPR. Okey sebelah kanan saya..., siapa yang ingin dahulu? Sarawak *is it?* Okeylah.

1.34 ptg.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ini cuma pada mulanya mewakili diri saya sendiri sebagai Ahli *Select Committee* inilah. Jadi nanti apabila kita pergi ke Kuching untuk kita membuat Pendengaran Awam di situlah pihak parti politik yang bertempat di Sarawak mungkin akan menyerahkan memorandum dan juga tampil untuk didengar serta memberi pandangan mereka.

Jadi pandangan ini juga adalah seperti yang saya dapat daripada awam yang pertamanya oleh kerana kita mewakili kawasan yang luas yang jauh di luar bandar di negeri Sarawak, kaum Dayak di Sarawaklah yang lebih-lebih kepada penduduk di kawasan luar bandar ingin menyarankan kepada SPR bahawa kalaulah diperbaiki ataupun kita buat penambahbaikanlah, *reformation* untuk proses pilihan raya ini dibuat, janganlah semata-mata cuma mendengar kepada saranan bagi pihak parti-parti politik yang mendapat sokongan mereka lebih daripada tempat ataupun di bandar-bandar yang di mana penduduk ataupun bilangan pengundinya begitu besar. Seperti mana yang telah juga disebut oleh yang mewakili PBS di Sabah tadi.

oleh sebab, kalaulah persempadanan kawasan DUN ataupun Parlimen di kawasan ataupun di negeri Sarawak ini tidak mengambil kira bahawa kawasan itu adalah luas dan penduduknya bertaburan di luar bandar. Mungkin itu pada akhirnya nanti mengakibatkan *representation*lah ataupun kawasan-kawasan yang diwakili kaum-kaum tertentu kaum-kaum Dayak itu akan terus berkurangan. Oleh kerana ia bukan sekadar untuk kita mendapat jumlah Kerusi di DUN ataupun di kawasan Parlimen, ia juga banyak berkait dengan wakil yang boleh menyuarakan apa dia berkaitan dengan pembangunan dan sebagainya lebih-lebih lagi tertumpu kepada kaum yang duduk di luar bandar. Jadi bagi mereka ini adalah begitu penting.

Lagipun penduduk di luar bandar memikirkan bahawa pilihan raya ini dijalankan untuk kita membentuk kerajaan yang sebenarnya. Jadi memang mereka menuntut hak mereka juga dalam proses pembentukan kerajaan. Jadi mereka mengatakan bahawa, kepentingan mereka di luar bandar ini kalaulah agak berlainan kehendak mereka, keperluan mereka ini dengan isu-isu nasional yang mungkin lebih kepada mereka yang duduk di bandar ini ada perbezaan. Mereka mengatakan kita ini hanya macam lemas di dalam keadaan yang di mana isunya bukan sekadar berkaitan begitu langsung dengan kita iaitu pembangunan.

Perkara yang lain adalah satu lagi yang ini mungkin dalam proses perhitungan undi. Kertas undi itu. Ia boleh mengakibatkan ataupun boleh mempengaruhi keputusan akhirnya nanti, *staggered counting* ini atau *tele* di tempat-tempat pengundi ini. Ini kerana di kawasan yang saya fikir di mana-mana pun tetapi lebih-lebih lagi kita merasakan di kawasan di luar bandar, di tempat mengundi yang jauh itu diketahui awal dan yang di pekan itu oleh kerana ramai penduduk, jadi proses pengundian belum selesai lagi. Jadi sudah tentulah tahu rakyat yang belum mengundi itu sudah mengetahui awal. Oh! Calon ini akan menang sebab kita sudah tahu di mana mereka sudah dapat undi yang begitu lebih sekali. Jadi ini mempengaruhi keputusan akhirnya nanti. Jadi ini perlu kita lihat semula.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Especially* in Sarawak.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Adakah ini sepatutnya kita harus kekalkan sistem ini ataupun kita semestinya ubah supaya ia lebih adil kepada yang bertanding. Jadi *point* yang mungkin pada kali ini yang terakhir dari saya iaitu *the return of election expenses* ini. Ini tidak lagi bagi saya realistiklah. Oleh kerana terhad RM50,000 di DUN kan?

Tuan Loke Siew Fook: RM100,000.

Datuk Alexander Nanta Linggi: RM100,000 DUN dan Parlimen RM200,000. Bagi saya mungkin tidak adalah di tempat mana-mana sebenarnya dapat menggunakan jumlah sebanyak itu sahaja. Jadi kita ini menghantar *returns* ya dan di situ juga kita sains ditandatangani mengatakan inilah dia tidak lebih daripada ini. Jadi ini jadi satu perkara yang bagi saya sepatutnya kita ubahlah sebabnya tidak realistik lagi. Jadi itulah pandangan setakat ini Tuan Pengerusi.

Jadi saya ingin sekali lagi sebab dalam catatan ataupun Minit boleh dikatakan *Hansard* mesyuarat kita yang lepas, saya minta agar semua parti politik yang berdaftar di negara ini dituliskan surat secara rasmi daripada sekretariat kita, jawatankuasa ini agar tidak ada mana-mana pihak lagi menuduh kita tidak mempelawa mereka walaupun semestinya ada secara umum melalui surat khabar, laman web dan sebagainya. Jadi, kalau kita tuliskan surat, itu secara rasmi. Jadi bolehlah. Itu bukan hendak banyak sangat kita mohon. Okey. Sekian, terima kasih.

■1340

Tuan Pengerusi: Okey. Nanti tindakan sedang dibuat untuk itu, untuk mendapatkan daftar pertubuhan-pertubuhan yang sesuai untuk..., khususnya pertubuhan-pertubuhan politiklah. Silakan. Ya, sebelah sini. Okey, Yang Berhormat Rasah. Seremban.

1.40 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan di sini. Pertamanya ialah berkenaan dengan daftar pemilih. Bagi saya isu ataupun masalah pokok dalam sistem pilihan raya kita ialah berkait dengan daftar pemilih kerana itu melibatkan pengundi, *stakeholders* yang paling penting dalam pilihan raya. Pada pendapat saya, manipulasi yang sering kita bangkitkan berlaku dalam daftar pemilih bukannya pada hari pengundian tetapi sebelum hari pengundian iaitu berlaku sepanjang masa. Manipulasi boleh berlaku sepanjang masa sebelum hari pengundian.

Saya juga hendak membincangkan perkara yang sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak tadi berkenaan dengan “pengundi hantu” atau apa-apa sahaja terminologi yang kita hendak guna pakai.

Akan tetapi apa yang penting ialah *phantom voters* ataupun pengundi hantu ini ialah seseorang pengundi yang tidak sepatutnya mengundi di kawasan itu, dipindahkan untuk mengundi di kawasan itu ataupun tidak ada hak untuk mengundi, diberikan hak untuk mengundi di kawasan itu. Itu masalah pokoknya, yang dimanipulasikan, yang digunakan oleh mungkin ada pihak-pihak yang ada kepentingan untuk memindahkannya. Bagi saya ini satu masalah yang cukup besar dalam daftar pemilih kita. Sistem yang sedia ada dalam SPR membenarkan manipulasi ini berlaku.

Saya memberikan contoh pemindahan pengundi dari kawasan lain ke satu kawasan. Apabila seseorang yang ada kepentingan, yang dia hendak mengumpulkan dia punya penyokong, pengundi supaya dapat memanipulasikan keputusan itu akhirnya berpihak kepada seseorang itu, seseorang itu boleh menggunakan pelbagai cara untuk memindahkan pengundi. Saya memberikan satu contoh yang cukup spesifik di kawasan saya sendiri, di kawasan DUN Lobak. Dalam suku ketiga yang sekarang ini daftar pemilih yang sedang dipamerkan, jumlah pengundi di kawasan DUN Lobak, DUN saya, pada pilihan raya lepas hanya 15,000 orang. Akan tetapi, dalam suku ini sahaja, dalam tiga bulan, terdapat 832 orang pemilih yang dipindahkan masuk ke kawasan saya. Ini bukannya pengundi baru. Mereka adalah pengundi-pengundi di kawasan lain.

Tuan Pengerusi: Ataupun dia pindah?

Seorang Ahli: Mendaftar mengundi di kawasan itu.

Tuan Loke Siew Fook: Dia pindahlah. Pindah alamat. Dia tukar alamat.

Tuan Pengerusi: Daripada DUN lain ataupun...

Tuan Loke Siew Fook: Daripada DUN lain-lain, dari negeri lain, dipindahkan ke kawasan saya. Ini ia punya terminologi dalam SPR ialah "pendaftaran tukar alamat". Dia bukannya pengundi baru. Dia pengundi sedia ada di kawasan-kawasan lain. Dia mengundi di kawasan lain, pengundi kawasan lain tetapi dipindahkan secara sistematik ke kawasan saya.

Tuan Pengerusi: Dia kahwin sana...

Seorang Ahli: Boleh jadi...

Tuan Loke Siew Fook: Nanti saya akan berikan...

Tuan Pengerusi: Ada cucu baru mungkin.

Tuan Loke Siew Fook: Seramai 832 orang. Seramai 832 orang dalam tempoh tiga bulan. Ia merangkumi hampir 7% daripada jumlah pengundi. Dalam tiga bulan. Tidak mungkin berlaku. Saya *go through* alamat-alamat yang dia daftarkan. Ada alamat lima orang, enam orang. Pernah saya buat satu aduan kepada SPR. Satu alamat, 21 orang. Macam-macam kaum ada. Ada Melayu, ada Cina dan India... [Disampuk]

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Mungkin rumah besar...

Tuan Loke Siew Fook: Rumah kedai. Ofis, pejabat, pejabat perkhidmatan. *I means sorry to say* lah, Tuan Pengerusi. Seorang adalah pejabat perkhidmatan, seorang *apparent* daripada MCA, *agent...* [Disampuk] Dia efektiflah. Dia memang efektiflah, kalau daripada segi *politiking*. Dia efektif. Akan tetapi, pertukaran ini, pertukaran alamat ini, saya *check* alamat dia. Alamat-alamat yang dikemukakan, ada yang empat hingga lima orang. Ada yang dua orang, tiga orang. Saya pergi ke tempat itu, ke taman itu sebab alamat sekarang ini alamat cukup spesifik; 128, 126, Taman Bukit Zamrud, Taman Bukit Desa, Taman Desa Temiang. Saya pergi ke kawasan itu, nampak rumah kosong. Ada bukti. Gambar ada. Wartawan pergi ambil gambar. Rumah kosong.

Ada sebuah rumah yang saya pergi semalam, ada tertera di sana, rumah untuk dijual. Tanya jiran, tanya nama-nama yang disenaraikan itu, tidak pernah dengar nama itu. Maksudnya orang itu tidak pernah – ada lima orang pengundi hendak pindah ke kawasan itu, dia daripada lima DUN yang lain. Ada dari Rembau, Chembong dan Senawang, macam-macam DUN, pindah ke kawasan itu.

Saya *check* – saya tahu ada orang itu, ada seseorang yang ada kepentingan, sebab dia hendak lawan di kawasan itu, dia hendak menaikkan peluang dia untuk menang - *win ability* dia. Dia pindahkan pengundi-pengundi ini dengan syarat bantu dia ambil wang kebajikan. Memohon jabatan kebajikan...

Tuan Pengerusi: Dia setuju pindah punyalah. Pemilih itu bersetuju pindah kalau begitu?

Tuan Loke Siew Fook: Okey. Memang pengundi itu memberikan IC dia. Bagaimana cara yang dilakukan ialah pengundi itu memberikan IC dia, pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk tukar alamat. Memang SPR – saya pernah buat aduan kepada SPR. Alasan SPR ialah selagi Jabatan Pendaftaran Negara telah menukarkan alamatnya, SPR akan mendaftarkannya sebagai pengundi di kawasan itu. Ia hanya mengikut *database* yang ada dalam Jabatan Pendaftaran Negara. Masalah ini timbul kerana JPN dengan SPR tidak ada koordinasi untuk membersihkan pengundi-pengundi ini. Jabatan Pendaftaran Negara membiarkan perkara ini berlaku.

Dalam sistem pendaftaran negara kita, sesiapa sahaja boleh menukar alamat tanpa apa-apa bukti. Akan tetapi bukankah ini sesuatu manipulasi, satu bentuk manipulasi sebab orang itu bukan duduk di sana. Dia pindah ke kawasan itu. Alamat sahaja. Bukannya dia pindah secara fizikal. Pindah alamat sahaja dan dibenarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan dibenarkan oleh SPR sekiranya *database* itu *match* dengan *database* yang ada pada Jabatan Pendaftaran Negara.

Jadi, ini merupakan satu bentuk manipulasi yang dihalalkan oleh SPR yang sedia ada. Jadi, kita terpaksa membersihkan cara ini kerana kalau ini tidak berlaku, macam-macam manipulasi, macam-macam pemindahan boleh dilakukan untuk *target certain* kawasan. Ini disebabkan keputusan pilihan raya bergantung pada menang satu undi atau dua undi sahaja. Sekiranya dia boleh memindahkan pengundi, dia oleh manipulasi kawasan itu. *To be fair*, ini boleh dilakukan oleh sesiapa, oleh semua pihak yang ada kepentingan.

Tuan Pengerusi: Okey, hanya tidak ada undang-undang yang mencegah itu tetapi...

Tuan Loke Siew Fook: Memang sekarang yang sedia ada tidak ada. Tidak ada peraturan.

Tuan Pengerusi: So, ini kreativiti pihak lawan.

Tuan Loke Siew Fook: Pihak lawan ini, lihat lawan siapalah. Lawan kepada siapa. Jadi, ini berlaku. Apabila saya *check*, saya kata pengundi ini tidak bermastautin di kawasan ini, tidak layak dia mengundi di kawasan ini. Ini memang kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi SPR sendiri baru-baru ini. Dia kata, kalau sesiapa hendak membuat bantahan, perlulah bantahan yang berasas seperti pengundi tidak bermastautin di sana, pengundi tidak cukup umur dan sebagainya. Memang saya akan membuat bantahan tetapi ini pula menimbulkan satu lagi masalah. Pada sistem yang sedia ada memang ada mekanisme. Ia ada mekanisme untuk sesiapa buat bantahan seperti yang dikatakan oleh wakil daripada PBS tadi. Memang satu minggu tidak mencukupi. *You* hendak *go through* semua *database* itu seminggu, memang satu tempoh yang cukup singkat.

Rintangan yang kedua ialah setiap aduan kepada nama seorang pengundi yang ada masalah yang kita rasa ada disyaki, RM10 seorang. Maksudnya kalau saya hendak buat aduan terhadap 832 orang ini, saya perlu membayar RM8,320 pun kepada SPR dan tidak ada jaminan bahawa dia akan menerima aduan saya. Aduan itu, kalau betul aduan itu, dia tidak pulangkan wang itu kepada saya. Jadi, ini menghalang daripada sesiapa untuk membuat bantahan. Saya pergi tanya borang daripada Pejabat SPR, saya panggil pembantu saya pergi tanya. SPR Negeri Sembilan kata, dia tidak tahu apakah borang itu sebab tidak pernah ada orang buat bantahan di Negeri Sembilan. Ini jelas menunjukkan ia ada kekangan, ada rintangan kepada orang ramai, kepada mana-mana pihak untuk membuat bantahan. Ini hanya bergantung kepada parti politik.

Rintangan yang kedua ialah seseorang yang hendak membuat bantahan, dia hanya boleh buat bantahan terhadap sepuluh nama dan mesti adalah pengundi di kawasan itu. Maksudnya, DUN Lobak, ia berada dalam Parlimen Seremban. Mesti adalah pengundi Parlimen Seremban. Seorang hanya boleh buat bantahan terhadap sepuluh nama.

Sekiranya saya hendak membuat bantahan terhadap 832 nama, saya perlu mencari 83 orang pengundi di Parlimen Seremban untuk buat bantahan. Bayangkan ada sesiapa kalau bukan ahli parti kita sendiri, orang ramai, dia ada masa yang begitu, ruang untuk buat bantahan macam ini, sebab ada Pendengaran Awam dan sebagainya yang perlu dipanggil saksi. Mekanisme seperti ini menghalang sistem kita daripada dibersihkan

■1350

Jadi saya rasa ini sesuatu yang perlu kita kena pastikan SPR perlu tukar sistem itu. Ketatkan cara kita untuk bertukar alamat dan sebagainya. Sekiranya tidak, keputusan pilihan raya boleh dimanipulasi oleh sesiapa, oleh mana-mana pihak. Saya rasa ini sesuatu yang cukup penting yang kita *highlight*. Ada lagi beberapa dua, tiga perkara lagi.

Keduanya ialah pengundian dua kali yang sering ditimbulkan. Pengundian dua kali. Bagaimana seseorang boleh undi dua kali. Saya ada dua bukti di sini yang kita *trace* daripada *database* yang dibekalkan oleh SPR. Dua nama ini seorang yang bernama Mohd. Firdaus bin Rasihan. Dia adalah seorang anggota tentera. Nombor kod tentera T1169267, berada di Kem Senawang, DUN Paroi, Parlimen Rembau. Pengundi pos ini mendaftarkan dirinya sebagai pengundi pos pada suku kedua tahun 2011, yang telah disahkan dalam semakan daftar pemilih. Dia daftar pemilih yang telah digazet, yang telah disahkan. Suku ketiga dalam suku yang ini, dia daftar lagi. Daftar lagi sebagai pemilih sebagai pengundi, akan tetapi bukan pengundi pos, pengundi biasa. Nama sama - Mohd Firdaus bin Rasihan. Kali ini kad pengenalannya, bukan pakai Kad Pengenalan Tentera. Nombor kad pengenalan 880616-05-5199. Maksudnya dia lahir pada 16 Jun 1988. *Match* dengan tarikh lahir pengundi pos yang saya nyatakan tadi. Maksudnya saya syak orang ini adalah orang yang sama. Takkanlah orang yang lain sebab sama nama, sama tarikh lahir, di negeri sama.

Saya rasa kebetulan seperti itu kemungkinannya cukup rendah. Saya syak orang ini dalam... Jadi permohonan yang sedang dia pohon ialah masuk dalam suku ketiga permohonan yang sedang diproses. Tertera dalam semakan daftar pemilih. Maksudnya sekiranya tidak ada bantahan terhadap nama ini, dia akan masuk dalam kita punya daftar pemilik induk (DPI). Kalau sudah masuk dalam daftar pemilik induk maksudnya orang ini dia boleh mengundi di Dewan Undangan Negeri Bahau, Parlimen Jempol. Pada masa yang sama dia ada undi pos. So, undi pos hantar tiga hari, empat hari sebelum hari pengundian. Dia sudah pangkah undi pos pada hari mengundi, dia boleh pergi ke Parlimen Jempol, undi lagi. Kalau dakwat kekal, kalau tiga hari...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Loke Siew Fook: Ya. pos tidak ada *ink*. Seperti yang dikatakan. Pos tidak ada *ink*.

Undi pos itu sama ada pengundi itu sendiri mengundi atau tidak kita pun tidak tahu sebab tidak ada agen kita untuk memantau. Ini bukannya satu, ada seorang lagi. Sama, kes yang sama. Saya tidak mahu bacakan butir-butir dia untuk menjimatkan masa.

Tuan Pengerusi: *The details your party can do in on the 8 dan 9 haribulan.*

Tuan Loke Siew Fook: Okay, berkenaan dengan pengundi pos. Ada satu lagi masalah. Siapa yang layak menjadi pengundi pos? Banyak menjadi tanda tanya. Sekarang ini tentera, polis, pegawai-pegawai kedutaan kita di negara lain. Terbaru sekarang SPR benarkan isteri kepada tentera. Kita persoalkan, mengapa isteri kepada tentera dibenarkan untuk menjadi pengundi pos.

Pada hal kebanyakan tentera kita berpangkalan di kem-kem tentera di bandar-bandar sebab kawasan saya ada kem tentera, Kem Rasah di bandar. Di Seremban, Kem Sikamat, Kem Ampangan ada tentera. Semua tentera ini berpangkalan di kem-kem di bandar. Kebanyakan tenteranya tidak duduk di dalam kem pun. Mereka diberikan elaun perumahan dan sebagainya untuk sewa sebuah rumah. Isterinya memang tidak duduk dalam kem. Akan tetapi oleh kerana SPR membenarkan isteri kepada tentera untuk mendaftar dirinya sebagai pengundi pos, saya nampak ada pertambahan pengundi pos di kawasan saya dan di semua kawasan lain. Isteri tambah sebagai pengundi pos...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Isteri daripada dulu lagi. Isteri tentera...

Tuan Loke Siew Fook: Baru tahun dua.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak ada, tidak ada. Dari dulu lagi. Isteri tentera, isteri polis semua dibenar undi.

Tuan Loke Siew Fook: Seperti yang kalau mengikut pengetahuan kita...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Undi yang tidak hadir dipanggil. Pengundi yang tidak hadir

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi kita mempersoalkan kewajaran mengapa isteri yang duduk di luar, tidak ada sangkut paut dengan kem pun dibenarkan untuk menjalani pengundi pos. Mengapa dia tidak boleh menjadi pengundi biasa. Apabila dia daripada pengundi biasa masuk kepada pengundi pos, kita tidak tahu sama ada rekodnya dibersihkan. Adakah dia juga mengundi dua kali. Dia sudah pemilih biasa dan dia daftar sebagai pengundi pos, sama ada statusnya sebagai pemilih biasa itu dibersihkan atau dipotongkan. So, itu pun menimbulkan masalah. Mungkin isteri kepada tentera ini ada peluang mengundi dua kali. Jadi ini merupakan perkara-perkara yang asas yang perlu kita...

Tuan Pengerusi: Ya, boleh bangkitkan...

Tuan Loke Siew Fook: Kita perlu bangkitkan.

Tuan Pengerusi: ... Rasionalnya.

Tuan Loke Siew Fook: Satu lagi ialah pengundi pos yang saya nampak ini berlaku depan mata saya sendiri semasa Pilihanraya Kecil Sibiu, pengundi pos. Dia pengundi pos ini macam-macam kategori selain polis, tentera dan sebagainya. Kalau dia kata, kalau ada orang yang berkhidmat ataupun bertugas pada hari mengundi itu, dia juga boleh berdaftar sebagai pengundi pos. Termasuk pegawai-pegawai yang mengendalikan pilihan raya dan sebagainya.

Saya nampak ada nama-nama yang sudah sahkan diri sebagai pengundi pos, dia datang mengambil undi itu. Apabila datang mengambil undi itu, sama ada orang itu benar-benar yang mewakili orang itu, kita tidak tahu, yang pertamanya. Keduanya, pengundi pos ini dia boleh bawa balik undi itu balik rumah, tiga empat hari sebelum pilihan raya, hari pengundian. Dia bawa, bawa undi itu keluar daripada pusat pengeluaran undi itu. Apabila dia bawa balik surat undi, bawa balik untuk buang undi itu, dia tidak payah datang sendiri. Dia boleh hantar *proxy* dia. Jadi undi itu dibawa keluar daripada pusat pengundian. Siapa yang memangkah undi itu? Adakah undi itu menjadi 'komoditi,' tidak ada orang boleh pastikan. Oleh sebab, kalau bagi pengundi biasa, sesiapa yang mengundi itu dia kena lepas pangkah, terus buang undi dalam itu. Tidak boleh bawa keluar daripada bilik pengundian itu. Akan tetapi untuk pengundi pos, dia dibenarkan bawa balik undi pos itu ke balik tiga, empat hari. Sama ada undi itu akan bertukar tangan atau tidak, tidak ada sesiapa yang boleh pastikan...

Tuan Pengerusi: Okey, *point* kita.

Tuan Loke Siew Fook: Ini perkara yang sangat penting.

Tuan Pengerusi: Ya, *last one*. Sudah lima belas minit.

Tuan Loke Siew Fook: *Sorry*. Satu dua, perkara lagi yang singkat. Ada persempadanan semula. Minta maafah - persempadanan semula. Saya rasa ini cukup juga yang perlu saya bangkitkan seperti yang dikatakan *gerrymandering*. Saya melihat kepada jumlah pengundi terbaru. Di Parlimen saya, Rasah – 80,000; di Parlimen Seremban – 92,000. Banyak kawasan lagi 100,000 ke atas. Dalam negeri sama, dalam negeri sama, Parlimen Jelevu yang diwakili oleh Menteri Komunikasi dan Penerangan, jumlah pengundinya ialah 40,000. Maksudnya, saya punya pengundi lebih daripada Parlimen Jelevu satu kali ganda. Satu 80,000, satu 40,000. Semasa kita merdeka...

Tuan Pengerusi: Bandar ke luar bandar?

Tuan Loke Siew Fook: Memang dia ada *rural advantage*. Saya mengakui memang perlu ada *rural advantage*. Kita kena bagi pertimbangan kepada kawasan luar bandar sebab kawasannya tidak ramai penduduk, kepadatan dan sebagainya.

Akan tetapi sekarang ini tidak ada satu *guideline*, tidak ada satu *ratio*. Perlu balik, kita perlu *impose* balik *ratio rural advantage*. Sekarang tidak ada *ratio*. Kita kena bawa balik *rural vestige*, tidak boleh lebih daripada 50%. Contohnya kalau kawasan luar bandar itu 40,000, kawasan Parlimen di negeri yang sama, tidak sepatutnya 60,000. Lebih daripada 60,000. Itu yang kita harap dia boleh bawa sedikit *rural vestige* supaya mengimbangi...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Gombak sudah 100 lebih. 120,000.

Tuan Loke Siew Fook: Jadi 120,000...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dibandingkan dengan Rasah.

Tuan Loke Siew Fook: *No, I'm talking about the same state.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Jumlah 80,000, dia pun boleh kompelin.

Tuan Loke Siew Fook: Memang, memang. Akan tetapi dalam negeri yang sama saya kata. Sebab tiap-tiap negeri ada dia punya...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Parlimen jugalah, Parlimen jugalah.

Tuan Loke Siew Fook: Kalau dibandingkan dengan Jelevu, maksudnya satu Parlimen Gombak berkenaan dengan tiga Parlimen Jelevu, 40,000. Jadi ini memang perkara yang kita perlu lihat dari segi dia punya *structure* dia. Terakhirnya berkenaan dengan kempen. Kempen saya harap kita boleh melihat mungkin yang selalu kita ada masalah terutamanya di negeri-negeri yang kita menjadi pembangkang.

Kawasan-kawasan tempat-tempat awam yang menjadi masalah besar untuk berkempen. Saya mencadangkan supaya kita melihat model atau pengalaman yang dibawa oleh Singapura baru-baru ini. Mereka ini saya rasa kali ini dalam pilihan raya terbaru di Singapura ini dari segi ini kempen ini, dia sangat adil kepada semua pihak yang bertanding. Kalau ada stadium yang sedia ada di kawasan itu, dia selang-seli. Kalau malam ini calon parti 'A' gunakan, malam esok calon parti 'B'. Jadi, dia selang-seli. Semua orang, semua pihak, semua parti boleh pakai kemudahan yang sedia ada. Kemudahan awam yang sedia ada. Sama ada padang, sama ada stadium, sama ada dewan orang ramai, semua orang boleh pakai. Akan tetapi *I mean the reality*, sekarang ialah kebanyakan tempat kalau hendak pakai stadium, pakai dewan orang ramai, kita dinafikan hak untuk memakai kawasan-kawasan itu untuk berjumpa dengan pengundi. Apa yang kita minta ialah supaya dalam tempoh kempen itu biar adil. Semua pihak boleh ada akses kepada kemudahan seperti itu.

■1400

Tidak perlu berebut-rebut. Satu malamlah kita ambil cabutan. Malam ini siapa, malam esok siapa. Kalau begitu saya rasa ia memberikan satu kemudahan yang cukup adil pada semua pihak yang bertanding. Saya rasa saya ada banyak perkara lagi tetapi oleh kerana kekangan masa saya berhenti di sini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya rasa memang semua Ahli Yang Berhormat pun banyak tetapi kita masih banyak mesyuarat yang akan datang, boleh dimasukkan kembali. Okey, Yang Berhormat Hulu Selangor.

2.02 ptg.

Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya telah pun edarkan sedikit dokumen untuk dilihat sama. Ini merupakan pendapat saya sebagai Ahli Parlimen Hulu Selangor. *Input* daripada ahli parti dan juga *input* daripada mereka yang ingin melihat perubahan dari segi *electoral reform* di negara kita. Rujukan daripada beberapa kajian yang telah dilakukan di seluruh dunia apabila kita membuat reformasi dari segi *electoral reform*. Saya ingin mencadangkan dalam *reform* ini, empat bidang utama dan sembilan inisiatif.

Empat bidang utama yang saya lihat, yang mana kita dapat buat perubahan ialah dari segi pentadbiran, akses media, reformasi dari segi perundangan dan juga struktur. Daripada empat bidang utama ini, sembilan inisiatif yang telah saya lakarkan di bawah setiap bidang utama dari segi pentadbiran untuk mewujudkan konsep kerajaan sementara apabila Parlimen dibubarkan. Untuk menggunakan dakwat kekal, dari segi pembaharuan dalam sistem undi pos, terdapat tiga jenis pengundian yang dilakukan sekarang. Satu undi pos, satu undi awal dan satu lagi undi-undi daripada luar negara - *overseas voting*.

Kita harus kenal pasti dan juga dari segi pentadbiran juga, aspek jangka masa untuk berkempen. Dari aspek bidang utama akses media, hak saksama dan adil diberi kepada semua calon untuk menggunakan media massa. Dari segi reformasi perundangan, sistem pengauditan oleh satu juruaudit bebas terhadap parti-parti politik dalam perbelanjaan - *election expenses* ini. Seterusnya, *public access to RoS record on audited finances of political parties and state funding to be limited according to size, geographical, population*. Terakhir, bidang utama ialah pada *reform* struktur yang mana *reform of voting system from first past the post* yang mana kita gunakan sekarang.

Daripada sembilan inisiatif yang telah dikenal pasti, saya dapati enam daripada inisiatif tersebut mungkin kita dapat laksanakan dalam masa yang terdekat. Kita harus sedar bahawa Jawatankuasa *Electoral Reform* ini, tanggungjawab kita bukan sahaja untuk membuat pembaharuan untuk Pilihanraya Umum Ke-13 tetapi, satu reformasi yang harus dilakukan dalam pilihan raya umum yang akan datang juga 13, 14, 15 dan seterusnya. Dari aspek itu, dari sembilan yang telah saya dapati yang mana inisiatif, saya dapati mungkin enam kita dapat buat masa yang terdekat, yang tiga lagi akan mengambil masa untuk kita *implementkan*.

Secara terperinci apabila kita lihat *step to step priority measure* ini, dari aspek akses media yang saksama dan adil saya rasa kita boleh mendapatkan slot di radio, TV ataupun media cetak untuk memberi peluang melalui *good will gesture* kepada calon-calon ataupun parti yang akan terlibat dalam kempen pilihan raya ini. Dari segi dakwat kekal, saya rasa... boleh meluluskan penggunaan dakwat kekal ini kerana ini juga merupakan satu cara yang baik untuk kita membuat reformasi dari segi *electoral reform* ini. Sepertimana yang saya kata undi pos, satu komunikasi harus diwujudkan untuk memberi maklumat kepada rakyat, pengundi, perbezaan di antara apa yang dimaksudkan sebagai undi pos dan undi awal.

Ini kerana ramai terpesong kerana pelbagai..., mereka memesongkan perbezaan di antara undi pos dan undi awal. Undi pos berbeza daripada undi awal, itu kita harus betulkan. Bagaimana kita hendak mendapatkan rakyat Malaysia yang tinggal di luar daripada Malaysia turut serta membuat keputusan. *How are they going to work?* Kita harus mencari sistem yang baik. Contoh yang saya dapat cadangkan di sini ialah mungkin kita lihat bagaimana Singapura membuat, mengimplementasikan sistem *overseas voting* mereka. Singapura menggunakan satu sistem yang begitu baik, yang mana kita dapat pendekatan ini. Dari segi jangka masa kempen, saya rasa jangka masa kempen sekarang memang cukup baik.

Kita boleh kekalkan kerana dalam dunia moden, sistem komunikasi yang canggih saya rasa kita tidak perlu sampai had maksimum. Mungkin kalau hendak pun dari masa tujuh, sembilan mungkin sepuluh hari paling banyak. Akan tetapi itu..., dan di Singapura juga cara ini digunakan, sepuluh hari termasuk *polling off*...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Hulu Selangor. Undi pos Singapura dibuat macam mana ?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Undi pos Singapura, dia undi luar negara ya, *this foreign voters*. Dia ada sistem *balloting*, yang mana dihantar kepada mereka dan mereka hanya dapat kertas *ballot* dan ia ada rujukkan tempat Parlimen mereka, yang akan undi. *So, they have to tick, it's like objective paper, examination objective paper. They have to tick and blank, I mean that was I heard* menurut sumber. Akan tetapi, *they have got a very good system*.

Tuan Pengerusi: Kita ambil contoh ya...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Maybe I can get some detail on Singapore voting system*. Dari segi *audit expenses and access to accounts* ataupun pengauditan perbelanjaan akses kepada akaun, saya rasa ini juga merupakan satu cara yang mana kita dapat mendekati dan memberitahu rakyat bahawa Jawatankuasa Parlimen *Select Committee Electoral Reform* ini *is very serious in our work. Just to give method on this*.

For the audit expenses, the legislative changes will not be able to be implemented fast enough for this, maybe the PRU-13 but I think if we take enough action mungkin kita dapat mencari satu penyelesaian access to account - saya cadangkan mungkin kita boleh..., PSC boleh memberi arahan, ataupun directive kepada parti-parti yang berkenaan untuk juruaudit to have access with the account expenditure.

As for the changes to lose of the political funding, this will take sometimes sepertimana yang telah saya selitkan bersama dalam kertas penerangan saya. There is about four steps in order for us to do, to improve political funding and it will take time. The first three, general laws, society's laws and internal laws for example MNA. This will takes sometimes but the administrative – konsep itu, that can be done. It propose that administrative directive to be issue to party heads, to directly credit all donations to the party into party accounts, maintain clear records of spending that enable audit.

So, this will show transparency on the political party and how they want to implement the expenditures of the campaign. Although this is may not be possible in such a short notice. May not be possible in 13th General Election but I think we should start thinking initiative towards a much more transparent performance on our election in Malaysia.

Akan tetapi, berbalik..., akhir kata, my focus is on the six important area that we can implement, which is: the media access; the usage of indelible ink to reform the postal vote; which is three postal - early voting, and overseas voting; access to accounts; campaign period; and audit expenses. This six, I think will be our main area that we need to look into. Thank you very much.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. *Malaysian needs – so controversial I think, easy for us to argue the available points.* Saya bagi kepada Yang Berhormat Kuala Krai selepas itu Bebas. Terima kasih.

2.12 ptg.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. saya bercakap atas nama peribadi Ahli Jawatankuasa PSC, dan juga seorang pemegang jawatan dalam parti, membawa hasrat ini walaupun tidak sepenuhnya disebut pada hari ini. Sebahagian daripada perkara-perkara yang disediakan oleh parti akan disampaikan semasa Pendengaran Awam di tempat masing-masing. Apa pun kita merasa untuk melaksanakan penambahbaikan ini ada beberapa perkara yang mesti dikaitkan antara satu sama lain, dalam proses pilihan raya ada undang-undangnya.

Jadi, undang-undang ini memerlukan penelitian setiap satu dan begitu juga peraturan-peraturannya mesti dipinda mengikut cadangan proses tersebut. Contohnya di dalam borang penamaan calon, kita kena kaji balik beberapa perkara yang menimbulkan kontroversi dalam pilihan raya yang lepas.

Sebagai satu contoh, satu petisyen telah dikemukakan di Kuala Kangsar apabila tiga borang yang *disubmit* oleh salah seorang calon hanya satu sahaja ditandatangani.

■1410

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Itu sudah pergi *court*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya, itu sudah pergi *court*. Jadi kita hendak penjelasan. Kalau satu semua orang pakat *sign*, satu sahajalah. Takut orang lain *sign* satu, *out* terus, orang lain boleh lulus. Itu berat sangat. Bergantung kepada budi bicara *retaining officer* yang mungkin menginterpretasi peraturan ini.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tapi itu sudah *consider* pergi *court*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya, ya *that's why* kita hendak *put it* dalam peraturan dibetulkan semula, *which ever it is* kalau sudah mahkamah memutuskan sedemikian, itu *be part of it*. Tidak lagi esok dalam satu penamaan calon orang lain pula kena. Bawa mahkamahlah. Apa-apa biar mahkamah buat keputusan.

Tuan Pengerusi: Tidak payah pergi mahkamah, *save time*.

